



HAJAH ROZIANA BINTI HAJI MAHMUD

Pendidikan Melayu Wanita Brunei, 1950-1985: Persekolahan Rendah dan Menengah

IKHTISAR: Kertas kerja, dengan mengguna-pakai kaedah sejarah, pendekatan kualitatif, sorotan literatur, dan temubual, merupakan kajian mengenai pendidikan wanita Brunei dari tahun 1950 sehingga pada tahun 1985, iaitu menumpukan kepada pendidikan sekolah rendah dan menengah Melayu. Pendidikan formal yang diperkenalkan oleh Residen British – dan selepas merdeka oleh Kerajaan Brunei – telah mengubah dan mengangkat martabat wanita, yang setaraf dengan kaum lelaki. Mengikut perspektif sejarah, kesedaran pendidikan pada masyarakat Brunei mula menyerlah selepas Perang Dunia II (1939-1945). Selain itu, Kesatuan Kaum Ibu Melayu Pelita Brunei, pada tahun 1940-an/1950-an, juga memberikan pengaruh positif terhadap perkembangan pendidikan di Negara Brunei Darussalam. Perkembangan pendidikan formal menerusi sekolah Melayu terus berkembang pada tahun 1950-an dan selepasnya, apabila penyertaan pelajar perempuan meningkat dari segi jumlah kehadiran mereka di peringkat sekolah. Keadaan ini sudah memperlihatkan bahawa wujud perubahan sikap yang besar di kalangan ibu bapa Brunei untuk melepaskan anak-anak perempuan mereka bagi mendapatkan pendidikan. Ini jelas dari persekolahan Melayu, yang telah memberikan kesedaran kepada masyarakat Brunei untuk memperlihatkan betapa pentingnya pendidikan tersebut kepada anak-anak Brunei, sehingga mereka kini berjaya dalam bidang kerjaya masing-masing.

KATA KUNCI: Pendidikan Melayu; Wanita Brunei; Dasar Pendidikan Kerajaan.

ABSTRACT: “Brunei Malay Women’s Education, 1950-1985: Primary and Secondary School”. The paper, using the historical methods, qualitative approach, literature review, and interviews, a survey on women’s education Brunei from 1950 until 1985, which focus on Malay primary and secondary schools’ education. The formal education introduced by the British Resident – and after independence by the Government of Brunei – changed and elevated the dignity of women, that equal to men. From a historical perspective, education awareness in Brunei society began to rise after World War II (1939-1945). In addition, the Union of Malay Motherhood of Pelita Brunei, in 1940s/1950s, also have a positive influence on the development of education in the Brunei Darussalam. Formal education through the development of Malay schools continue to grow in 1950s and beyond, when the participation of female students increased in terms of their presence in schools. This situation has shown that there is a huge change in attitudes among Brunei parents to release their daughters for education. This is clear from the Malay school, which has been providing awareness to the people of Brunei to show how important education is to the children of Brunei, so that they are now successful in their respective careers.

KEY WORD: Malay Education; Brunei Women; Government Educational Policy.

About the Author: Dr. Hajah Roziana binti Haji Mahmud ialah Graduan Jabatan Pengajian Sejarah dan Antarabangsa, Fakulti Sastera dan Sains Sosial UBD (Universiti Brunei Darussalam) di Negara Brunei Darussalam. Bagi urusan sebarang akademik, penulis boleh dihubungi secara terus melalui alamat emel di: dianza_1701@hotmail.com

Suggested Citation: Mahmud, Hajah Roziana binti Haji. (2020). “Pendidikan Melayu Wanita Brunei, 1950-1985: Persekolahan Rendah dan Menengah” in *SUSURGALUR: Jurnal Kajian Sejarah & Pendidikan Sejarah*, Volume 8(1), March, pp.73-86. Bandung, Indonesia: Minda Masagi Press and UBD Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam, ISSN 2302-5808 (print) and ISSN 2684-7388 (online).

Article Timeline: Accepted (December 27, 2019); Revised (January 25, 2020); and Published (March 30, 2020).

PENDAHULUAN

Sistem pendidikan formal yang diperkenalkan oleh Residen British telah memberikan kesempatan kepada anak-anak perempuan untuk mendapatkan pendidikan di Brunei. Pendidikan wanita dapat dilihat dari aspek pendidikan Melayu, yang meliputi tahap pendidikan sekolah rendah dan menengah. Hal ini dapat dilihat apabila perkembangan pendidikan kembali beroperasi semula, selepas pemerintahan Jepun di Brunei tamat pada tahun 1945 (Bakar, 2013; Mail, 2013 dan 2014; Mohamed, 2016; dan Melayong, 2018).

Kesedaran pendidikan mula menyerlah selepas Perang Dunia II (1939-1945) tamat, dimana masyarakat Brunei, pada masa itu, sudah mempunyai kesedaran yang tinggi untuk memperlihatkan betapa pentingnya memberikan pendidikan formal kepada generasi muda. Oleh itu, Brunei turut berubah dalam menerima kesan daripada perkembangan yang berlaku di dunia luar, seperti “modernisasi”, yang melanda dunia selepas Perang Dunia II. Hal ini termasuklah pengaruh dari Semenanjung Tanah Melayu sendiri, yang tidak kurangnya memberikan kesedaran kepada masyarakat Brunei dalam memberikan kepentingan pendidikan (Mail, 2011:96 dan 2013; Imri, 2013; dan Melayong, 2018).

Hal ini jelas apabila guru-guru Melayu, terutama lulusan dari MPSI (Maktab Perguruan Sultan Idris) di Tanjung Malim, Perak, Malaysia memainkan peranan dalam memberi kesedaran kepada masyarakat terhadap perlunya anak-anak Brunei diberikan pendidikan. Ini kerana perkembangan bidang pendidikan di Semenanjung Tanah Melayu telah mempengaruhi penduduk Brunei, apabila ilmu pengetahuan disebarikan oleh guru-guru Melayu yang berkelulusan dari maktab pendidikan di Semenanjung Tanah Melayu (Roff,

1994; Saat, 2007; Husiin, 2009; Abdullah, 2011; dan Mail, 2011).

Guru-guru Melayu ini dipandang sebagai golongan terpelajar dan juga dianggap sebagai pemimpin yang berpengaruh, di mana saja mereka berada. Dengan kepandaian membaca dan menulis ini, guru-guru Melayu dapat berurusan dengan kerajaan atau swasta dengan senang. Justeru, masyarakat Brunei menyedari bahawa mereka juga perlu pandai membaca dan menulis, sekiranya mereka tidak mahu menghadapi kesulitan apabila berurusan dengan kerajaan. Oleh itu, mereka mula membuka mata dan hati untuk memberikan pendidikan kepada anak-anak mereka (Roff, 1994; Abdullah, 2011; dan Mail, 2006:51).

Selain itu, Kesatuan Kaum Ibu Melayu Pelita Brunei, di bawah kepimpinan wanita berketurunan Indonesia, juga memberikan pengaruh positif terhadap perkembangan pendidikan di Negara Brunei Darussalam. Dalam tahun 1940-an, tidak ada seorang pun wanita Brunei yang dihantar untuk mengikuti kursus perguruan, bagi mengajar murid-murid perempuan. Walau bagaimanapun, atas desakan Kesatuan Kaum Ibu Melayu Pelita Brunei ini, seorang guru perempuan Melayu pertama dari Brunei telah dihantar ke Maktab Perguruan Melayu Durian Daun, Melaka di Semenanjung Tanah Melayu pada tahun 1948, untuk mengikuti kursus perguruan (Ahmad, 2004:9; Bakar, 2013; dan Hidayati & Fikriyah, 2016).

Makalah ini, dengan menggunakan kaedah sejarah, pendekatan kualitatif, sorotan literatur, dan temubual (Creswell, 1994; Howell & Prevenier, 2001; Zed, 2004; dan Haryanto, 2011), mahukan menyoroti pendidikan wanita Melayu Brunei, dengan memberi tumpuan pada dua perkara, iaitu: (1) *Wanita Brunei dalam Pendidikan Sekolah Rendah Melayu*; dan (2) *Wanita Brunei dalam Pendidikan Sekolah Menengah Melayu*.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Wanita Brunei dalam Pendidikan Sekolah Rendah Melayu. Pendidikan sekolah rendah Melayu di Brunei mula berkembang apabila SOAS (Sultan Omar Ali Saifuddien) III menaiki takhta. Baginda telah membuka peluang kepada warga tempatan untuk menuntut ilmu dengan lebih luas. Perkembangan pendidikan sekolah rendah Melayu dapat dilihat apabila Sekolah Menengah Melayu, yang dikenali sebagai SMMP (Sekolah Menengah Melayu Pertama), telah ditubuhkan bagi memberikan peluang kepada murid-murid untuk menyambung sekolah di peringkat menengah (Hussainmiya, 1995; Mail, 2006 dan 2007; Bani, 2008; dan Mail & Suwirta, 2018).

Pada tahun 1950, terdapat 28 buah sekolah Melayu dengan keramaian murid perempuan 427 orang. Ini menunjukkan adanya peningkatan jumlah murid perempuan dalam memasuki alam persekolahan berbanding pada tahun 1949, sepertimana yang ditunjukkan dalam jadual 1 nanti, dengan keseluruhan keramaian murid 2,255 orang. Oleh itu, sebanyak 19% murid perempuan telah memasuki persekolahan sekolah rendah Melayu pada tahun 1950 (Mail, 2006, 2014 dan 2018; dan Bani, 2008).

Dari tahun 1950 hingga 1952, secara umumnya, keramaian murid perempuan setiap tahun adalah sekitar 404 hingga 420 orang. Dari perangkaan itu jelas bahawa keramaian murid perempuan masih rendah berbanding dengan keramaian murid lelaki. Ini memberi gambaran bahawa ibu bapa tidak menghantar anak-anak perempuan mereka ke sekolah, kerana mereka berpendapat bahawa pendidikan tidak mempunyai kepentingan dan kebaikan yang khusus untuk anak-anak perempuan mereka. Apatah lagi, anak-anak perempuan kebiasaannya dikahwinkan dalam usia yang muda, iaitu kira-kira

umur 15 tahun (Mail, 2006:49 dan 2014; Al-Sufri, 2008; dan Bani, 2008).

Antara sebab lain ialah larangan keras pergaulan antara anak-anak perempuan dengan lelaki, yang menyebabkan anak-anak perempuan lebih dilindungi dan tidak dibenarkan keluar dari rumah sesukati hati. Pada masa itu, sekiranya ada ibu bapa yang mahu menghantar anak-anak mereka ke sekolah, mereka hanya akan dihantar setelah mereka berumur melebihi tujuh tahun; dan ada juga yang mula masuk sekolah, setelah mereka mencecah umur sepuluh tahun (Mohamad, 1999; Al-Sufri, 2017; dan Mail & Suwirta, 2018).

Justeru, kebanyakan ibu bapa berpendapat bahawa pendidikan tidak mempunyai kepentingan kepada anak-anak perempuan, sebagaimana yang dinyatakan oleh Cikgu Hajah Norani binti Haji Mohiddin. Jika ada guru yang datang ke rumah untuk berbincang dan memujuk ibu bapa untuk menyekolahkan anak mereka, ibu bapa akan membawa lari anak-anak perempuan mereka ini ke tempat lain, atau mereka akan mengunci dan mengurung anak perempuan mereka di dalam bilik, agar anak perempuan tersebut tidak dapat pergi ke mana-mana.¹

Melihat perkembangan pendidikan anak-anak perempuan Brunei kurang menggalakkan ini, maka Sultan Omar Ali Saifuddien III telah menitahkan agar ibu bapa memberi keutamaan untuk menyekolahkan anak-anak mereka, termasuk anak-anak perempuan. Ibu bapa juga disarankan untuk mengambil kesempatan terhadap pendidikan percuma, yang telah disediakan oleh pihak kerajaan (Padmore, 1954:2; Hussainmiya, 1995; dan Saunders, 2002).

Untuk membantu kerajaan mencapai misi ini, seorang pegawai pelajaran telah dilantik di Jabatan

¹Temubual dengan Cikgu Hajah Norani binti Haji Mohiddin, bertempat di Kampong Bengkurong, Brunei Darussalam, pada 28 Mac 2017.

Pelajaran untuk memberikan nasihat dan galakan kepada ibu bapa supaya menyekolahkan anak-anak mereka. Pegawai ini mengingatkan ibu bapa mengenai kepentingan kehadiran anak-anak mereka ke sekolah; dan beliau juga pergi ke kampung-kampung untuk berbincang dengan ibu bapa mengenai kepentingan pendidikan kepada generasi muda, sepertimana yang pernah disentuh oleh SOAS III dalam titah baginda, sempena kunjungan baginda ke Kampung Kupang, yang menyeru supaya ibu bapa mengambil berat dan berusaha untuk menghantar anak-anak mereka untuk bersekolah, dan juga ketika pembukaan Sekolah Rendah Melayu di Kampung Kilanas dan Sengkurong pada tahun 1954 (Hussainmiya, 1995; Saunders, 2002; dan Damit, Mail & Tengah, 2014:46).² Baginda, seterusnya, bertitah seperti berikut ini:

*Allow all your children, particularly your daughters, to take full advantage of the opportunity by the government of obtaining an education, not only primary but secondary as well.*³

Terjemahan:

Biarkan semua anak-anak anda, terutama anak-anak perempuan anda, memanfaatkan sepenuhnya peluang oleh kerajaan untuk memperoleh pendidikan, bukan hanya sekolah rendah tetapi menengah juga.

Hasilnya, pada tahun 1954, keramaian murid-murid menghadiri sekolah berjumlah 3,175 orang, dengan jumlah 713 murid perempuan berbanding pada tahun 1953, iaitu jumlah keramaian murid adalah 2,679 orang, dengan keramaian murid perempuan 536 orang sahaja. Pada masa yang sama, ramai kanak-kanak di Kampung Ayer didapati tidak

bersekolah. Oleh yang demikian, bagi menggalakkan ibu bapa untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah, Sekolah Melayu yang pertama telah dibina di kawasan diantara Kampung Lorong Sikuna dengan Kampung Saba, yang dikenali sebagai Sekolah Melayu Lela Menchanai. Dengan terbinanya sekolah Melayu ini, barulah kanak-kanak yang tinggal di sekitarnya bersekolah dalam Darjah Satu (KP Brunei Darussalam, 1994:16; Tengah, 2013; dan Damit, Mail & Tengah, 2014:47).

Pertambahan jumlah murid-murid perempuan adalah disebabkan kerajaan Brunei telah membina lebih banyak sekolah bersaiz kecil di kawasan luar bandar untuk memberi peluang kepada kanak-kanak untuk bersekolah, seperti Sekolah Melayu Jerudong, Sekolah Melayu Kasat, Sekolah Melayu Bendahara Sakam, Sekolah Melayu Masin, dan Sekolah Melayu Pengkalan Batu di Daerah Brunei Muara, yang dirasmikan pembukaan sekolah tersebut pada tahun 1957 (KP Brunei Darussalam, 1994; Hussainmiya, 1995; dan Damit, Mail & Tengah, 2014).⁴

Antara sebab lain juga ialah kerajaan Brunei, pada ketika itu, memerlukan tenaga kerja tempatan untuk mengisi jawatan-jawatan yang dimonopoli oleh pegawai asing, terutama sekali dari Britain dan Malaya. Oleh yang demikian, SPA (Suruhanjaya Perkhidmatan Awam) telah ditubuhkan pada 1 Januari 1961, yang bertanggungjawab untuk menguruskan pengambilan anak-anak tempatan bagi mengisi jawatan-jawatan dalam jabatan kerajaan di perkhidmatan awam, seperti Jabatan Kerja Raya, Jabatan Kesihatan, Jabatan Pertanian, Jabatan Perhutanan, Jabatan Pendidikan, Jabatan Perikanan, Jabatan Ukur,

²Lihat juga, contohnya, Berita "Menghantar Anak-anak Mereka ke Sekolah" dalam akhbar *Pelita Brunei*, pada tarikh 15 Mei 1958, ms. 1.

³Berita "Brunei Malay Education: Its Aim" dalam *Borneo Buletin*, Vol.2, No.49 [4 December 1954], ms.6.

⁴Lihat juga, contohnya, "BA/1983.1.1976: Opening of Malay School Brunei". *Dokumen Tidak Diterbitkan*. Tersedia dan ada pada Penulis.

Pasukan Polis, Jabatan Kastam, dan Pejabat Pos (Mail, 2007 dan 2011; JPA Brunei Darussalam, 2013:107; dan Mohamad ed., 2017).

Perkhidmatan kaum wanita diperlukan, seperti Jabatan Kesihatan yang memerlukan tenaga wanita sebagai jururawat; bekerja sebagai guru menjadikan supaya ibu bapa lebih percaya untuk menghantar anak-anak perempuan mereka mempelajari ilmu; dan pekerjaan sebagai kerani yang mana pekerjaan ini bersifat feminim dan bersesuaian dengan kaum perempuan (cf Mohamad ed., 2017; Padzil, 2017; dan Yunos ed., 2019).⁵

Dari perangkaan, dalam jadual 1 nanti, dapat dilihat bahawa ibu bapa telah menyedari keperluan pendidikan kepada anak-anak perempuan mereka. Ini bermakna bahawa pergaulan antara murid lelaki dan murid perempuan, yang pada awalnya menjadi halangan kepada anak-anak perempuan dihantar ke sekolah, tidak lagi menjadi isu. Bagi mereka, anak-anak perempuan hendaklah mengetahui dan pandai menjaga adab dan tata-susila, selaras dengan adat ke-Brunei-an dan ajaran Islam semasa menuntut ilmu (Al-Sufri, 2008; Bani, 2008; dan Mail, 2014).

Dari tahun 1970 sehingga pada tahun 1974, jumlah murid-murid perempuan dalam sekolah rendah Melayu terus bertambah dari 7,613 orang pada tahun 1970 kepada 8,252 orang murid pada tahun 1974. Peningkatan bilangan murid perempuan ini menunjukkan adanya sambutan yang menggalakkan dari masyarakat terhadap Sekolah Melayu pada ketika itu. Mereka telah melihat peluang murid perempuan aliran

Melayu melanjutkan pelajaran makin bertambah baik, kerana mereka sudah boleh mengambil peperiksaan awam hingga ke peringkat yang lebih tinggi (Bani, 2008; Damit, Mail & Tengah, 2014:63; dan Mail, 2014).

Walau bagaimanapun, kepercayaan ibu bapa terhadap sekolah Melayu semakin pudar, kerana mereka berpendapat ianya tidak akan dapat menjamin masa depan anak-anak mereka, berbanding dengan pendidikan di sekolah Inggeris Kerajaan (Bani, 2008; Mail, 2014; dan Al-Sufri, 2017).⁶

Oleh itu, apabila Dasar Pendidikan Konsep Dwi-Bahasa diperkenalkan, semua sekolah Melayu dan sekolah Inggeris disatukan menjadi satu sekolah yang mempunyai dua bahasa pengantar dalam pembelajaran, iaitu Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Justeru, sejak dasar ini diperkenalkan pada tahun 1985, jumlah murid-murid perempuan semakin meningkat. Ini jelas kerana ibu bapa tidak lagi ada keraguan untuk menghantar anak-anak perempuan mereka ke sekolah. Kebanyakan ibu bapa sudah bersifat terbuka dan tidak lagi ada kekangan adat atau tradisi, yang menghalang anak-anak perempuan untuk tidak pergi ke sekolah. Dengan dasar ini diperkenalkan telah memberikan peluang kepada para pelajar untuk melanjutkan pelajaran di peringkat menengah dan peringkat yang lebih tinggi (Al-Sufri, 2008; Mail, 2016; dan Kaprawi, 2017). Lihat jadual 1.

Wanita Brunei dalam Pendidikan Sekolah Menengah Melayu.

Pendidikan sekolah menengah Melayu merupakan pendidikan yang bermula dari Tingkatan Satu sehingga Tingkatan Enam, selepas lulus darjah 6 di Sekolah Rendah. Pelajar-pelajar sekolah aliran Melayu ini dapat melanjutkan pelajaran ke peringkat

⁵Bandingkan pula, contohnya, Berita "Perkhidmatan Wanita Melayu Menimbulkan Soal" dalam akhbar *Pelita Brunei*, pada tarikh 3 Ogos 1960, ms.6; dan "Skim Perkhidmatan Kejururawatan Jabatan Perkhidmatan Kejururawatan, Kementerian Kesihatan, pada 2013". Wujud secara online pula di: http://www.moh.gov.bn/MOH%20Library/SKIM_PERKHIDMATAN_KEJURURAWATAN_LULUS_2013.pdf [diakses di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam: 15 April 2019].

⁶Lihat juga, contohnya, Temubual dengan Cikgu Haji Mahmud bin Hadi, bertempat di Kampung Pengkalan Batu, Brunei Darussalam, pada 4 November 2015.

Jadual 1:
Perangkaan Keramaian Murid Sekolah Rendah Melayu
Seluruh Negeri Brunei dalam Tahun 1950-1985*)

Tahun	Melayu		
	Pelajar Perempuan	Jumlah	% Pelajar Perempuan
1950	427	2,255	19%
1951	404	2,256	18%
1952	420	2,268	19%
1953	536	2,679	20%
1954	713	3,175	22%
1955	-	-	-
1956	-	-	-
1957	1,492	4,943	30%
1958	1,947	5,797	34%
1959	2,574	7,164	36%
1960	3,174	8,049	39%
1961	-	9,934	-
1962	-	11,377	-
1963	5,634	12,369	20%
1964	6,500	14,399	45%
1965	7,213	15,118	48%
1966	7,739	15,918	49%
1967	8,085	16,630	49%
1968	7,877	16,079	49%
1969	7,877	16,079	36%
1970	7,613	15,719	48%
1971	7,897	16,569	48%
1972	8,006	16,667	48%
1973	8,087	17,049	47%
1974	8,252	17,329	48%
1975	7,915	16,688	47%
1976	7,706	16,224	47%
1977	7,633	16,193	47%
1978	7,430	15,725	-
1979	-	16,566	-
1980	-	-	-
1981	7,943	16,849	47%
1982	8,013	17,107	47%
1983	8,855	18,638	48%
1984	7,435	15,697	-
1985	T/A	T/A	T/A

Nota Campur: T/A = Tidak Ada.

*)Sumber-sumber berkenaan diperolehi dan dikenalpasti daripada: "Annual Report for the Year 1950-1952", *Dokumen Tidak Diterbitkan*, Tersedia dan ada pada Penulis; "Brunei Education Department Annual Summary for 1958", *Dokumen Tidak Diterbitkan*, Tersedia dan ada pada Penulis; "Brunei Triennial Report for 1955-1957", *Dokumen Tidak Diterbitkan*, Tersedia dan ada pada Penulis; "Brunei Yearbook 1985-2000", *Dokumen Tidak Diterbitkan*, Tersedia dan ada pada Penulis; "Educational Statistics of Brunei Darussalam, 1978-1982", *Dokumen Tidak Diterbitkan*, Tersedia dan ada pada Penulis; Haji Awang Asbol bin Haji Mail (2006); "Laporan Tiga Tahun, 1964-1966", *Dokumen Tidak Diterbitkan*, Tersedia dan ada pada Penulis; "Penyata Sekolah-sekolah Agama Kerajaan Brunei: 1968, 1969, dan 1970", *Dokumen Tidak Diterbitkan*, Tersedia dan ada pada Penulis; "Penyata Tahunan Jabatan Hal Ehwal Ugama: 1968, 1969, dan 1970", *Dokumen Tidak Diterbitkan*, Tersedia dan ada pada Penulis; "Penyata Tahunan Jabatan Hal Ehwal Ugama, 1971-1983", *Dokumen Tidak Diterbitkan*, Tersedia dan ada pada Penulis; "Sejarah Awal Perkembangan Pelajaran Agama Sehingga 1959", *Dokumen Tidak Diterbitkan*, Tersedia dan ada pada Penulis; "State of Brunei Annual Report 1957", *Dokumen Tidak Diterbitkan*, Tersedia dan ada pada Penulis; "State of Brunei for the Year 1966", *Dokumen Tidak Diterbitkan*, Tersedia dan ada pada Penulis; dan "State of Brunei Annual Report 1969", *Dokumen Tidak Diterbitkan*, Tersedia dan ada pada Penulis.

lebih tinggi dengan menduduki peperiksaan awam, seperti SRP (Sijil Rendah Pelajaran), SPM (Sijil Pelajaran Malaysia), dan STP (Sijil Tinggi Persekolahan). Oleh yang demikian, pelajar berpeluang untuk melanjutkan pendidikan sehingga ke peringkat universiti, seperti mana yang berlaku ke atas pelajar-pelajar aliran Inggeris dan Arab (Damit, Mail & Tengah, 2014:60; Al-Sufri, 2017; dan Abduh, 2018).

Pendidikan sekolah menengah Melayu telah diperkenalkan menjelang tahun 1960. Sebanyak empat buah sekolah telah dibina di seluruh negeri Brunei, yang bukan sahaja hanya terdapat di Bandar Brunei tetapi juga telah dibina di Daerah Tutong dan Daerah Belait. Ini kerana semakin ramai pelajar dari sekolah rendah Melayu yang mahu diberi peluang sama dengan pelajar-pelajar aliran Inggeris untuk meneruskan pendidikan mereka sehingga ke peringkat sekolah menengah (Bani, 2008; Damit, Mail & Tengah, 2014:54; dan Mail, 2014).

Berikutan adanya Sekolah Menengah Melayu ini telah memberikan peluang kepada pelajar-pelajar perempuan untuk melanjutkan pelajaran mereka ke peringkat menengah dan tidak hanya terhenti setakat peringkat rendah sahaja. Menjelang tahun 1960-an, barulah ada Sekolah Menengah Melayu yang mencapai taraf pendidikan menengah dengan mengadakan Darjah VII, setaraf Tingkatan I. Pendidikan sekolah menengah ini kemudiannya dilaratkan sehingga di Daerah Tutong dan Daerah Belait pada tahun 1961 (Mail, 2014:38; Al-Sufri, 2017; dan Kaprawi, 2017).

Penubuhan Sekolah Menengah Melayu ini adalah bagi memberikan peluang kepada para pelajar untuk meneruskan pendidikan mereka sehingga ke peringkat menengah. Oleh itu, pihak kerajaan Brunei telah menubuhkan sebuah Sekolah Menengah Melayu pada 30 Januari 1966, yang dikenali sebagai SMMP

(Sekolah Menengah Melayu Pertama). Sekolah ini ditempatkan buat sementara di Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam di Bandar Brunei (Damit, Mail & Tengah, 2014:38; Mail, 2014; dan Al-Sufri, 2017).

Di awal penubuhan Sekolah Menengah Melayu pertama, seramai 767 orang pelajar perempuan telah diterima masuk pada tahun 1966. Manakala pada tahun 1969, seramai 1,882 orang pelajar telah melanjutkan pelajaran ke peringkat sekolah menengah. Dari jumlah ini telah menunjukkan bahawa kehadiran pelajar perempuan ke Sekolah Menengah Melayu semakin meningkat (KPN Brunei Darussalam, 2013; Damit, Mail & Tengah, 2014; dan Mail, 2014).

Bagi menggalakkan pelajar-pelajar perempuan untuk melanjutkan pelajaran di peringkat sekolah menengah, pihak kerajaan Brunei telah menubuhkan sebanyak enam buah sekolah menengah. Sekolah-sekolah ini ditubuhkan di Bandar Brunei dan satu di kawasan luar bandar, selain di Daerah Belait, Daerah Tutong, dan Daerah Temburong. Lokasi sekolah ini mempengaruhi kedatangan anak-anak perempuan untuk bersekolah, iaitu antaranya Sekolah Menengah Melayu Bendahara Sakam Bunut yang membolehkan anak-anak perempuan dari kampung berdekatan, seperti Kampong Sengkurong, Kampong Limau Manis, Kampong Jerudong, dan Kampong Bunut untuk melanjutkan pelajaran mereka ke peringkat sekolah menengah (Damit, Mail & Tengah, 2014; Al-Sufri, 2017; dan Mail, 2018).

Bagi memberikan kemudahan yang lebih baik kepada pelajar-pelajar Sekolah Menengah Melayu, beberapa buah sekolah menengah telah dibangunkan bagi kemudahan para pelajar di kawasan luar bandar pada tahun 1970-an, iaitu Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim di Tutong; Sekolah Menengah Melayu

Jadual 2:
Perangkaan Keramaian Pelajar Sekolah Menengah Melayu
Seluruh Negeri Brunei dalam Tahun 1950-1985**)

Tahun	Melayu		
	Pelajar Perempuan	Jumlah	% Pelajar Perempuan
1950-1962	T/A	T/A	T/A
1963	-	548	-
1964	389	840	46%
1965	553	1,275	43%
1966	767	1,828	42%
1967	-	-	-
1968	1,564	3,419	46%
1969	1,882	4,067	46%
1970	2,142	4,487	48%
1971	2,175	4,569	48%
1972	1,939	4,139	47%
1973	1,657	3,626	46%
1974	1,440	3,341	43%
1975	630	1,564	40%
1976	587	1,526	38%
1977	594	1,543	38%
1978	482	1,287	-
1979	460	1,218	38%
1980	406	1,088	37%
1981	-	1,102	-
1982	-	1,025	-
1983	-	992	-
1984	T/A	T/A	T/A
1985	T/A	T/A	T/A

Nota Campur: T/A = Tidak Ada.

Ahmad Tajuddin di Kuala Belait; Sekolah Menengah Melayu Muhammad Alam di Seria; dan Sekolah Menengah Melayu Sultan Hassan di Bangar, Temburong (JP, t.th.:6; Mail, 2014; dan Al-Sufri, 2017).

Penubuhan Sekolah Menengah Melayu telah membuka peluang kepada anak-anak perempuan untuk

mendapatkan pendidikan, yang bukan sahaja tahu membaca dan menulis akan tetapi ianya telah membuahkan hasil, yang mana anak-anak perempuan kemudiannya berpeluang untuk mendapatkan pekerjaan.

Berbanding sebelum ini, anak-anak perempuan terpaksa berhenti sekolah dan hanya menjadi suri rumah tangga

**Sumber-sumber berkenaan diperolehi dan dikenalpasti daripada: "Brunei Education Department Annual Summary for 1957", *Dokumen Tidak Diterbitkan*, Tersedia dan ada pada Penulis; "Brunei Education Department Annual Summary for 1958", *Dokumen Tidak Diterbitkan*, Tersedia dan ada pada Penulis; "Brunei Triennial Report for 1955-1957", *Dokumen Tidak Diterbitkan*, Tersedia dan ada pada Penulis; Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Hamid bin Mohd Daud (2004); "Educational Statistics of Brunei, 1968-1978", *Dokumen Tidak Diterbitkan*, Tersedia dan ada pada Penulis; "Education Statistics of Brunei Darussalam, 1973-1982", *Dokumen Tidak Diterbitkan*, Tersedia dan ada pada Penulis; "Educational Statistics of Brunei Darussalam, 1978-1987", *Dokumen Tidak Diterbitkan*, Tersedia dan ada pada Penulis; Haji Awang Asbol bin Haji Mail (2006); JPPP [Jabatan Perancangan, Perkembangan, dan Penyelidikan] (2000); "Laporan Suruhanjaya Pelajaran Brunei 1972", *Dokumen Tidak Diterbitkan*, Tersedia dan ada pada Penulis; "Laporan Tahunan 1977", *Dokumen Tidak Diterbitkan*, Tersedia dan ada pada Penulis; "Laporan Tahunan Pendidikan bagi Tahun 1981-1984", *Dokumen Tidak Diterbitkan*, Tersedia dan ada pada Penulis; "Penyata Tahunan Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei, 1967", *Dokumen Tidak Diterbitkan*, Tersedia dan ada pada Penulis; "Penyata Tahunan Jabatan Hal Ehwal Ugama, 1968-1983", *Dokumen Tidak Diterbitkan*, Tersedia dan ada pada Penulis; "State of Brunei Annual Report 1966", *Dokumen Tidak Diterbitkan*, Tersedia dan ada pada Penulis; dan "State of Brunei Annual Report 1969", *Dokumen Tidak Diterbitkan*, Tersedia dan ada pada Penulis.

sahaja (Mail, 2014; Al-Sufri, 2017; dan Melayong, 2018).

Begitu juga dengan jumlah kehadiran pelajar perempuan di Sekolah Menengah Melayu, yang mana di awal penubuhan Sekolah Menengah Melayu, jumlah keramaian para pelajar adalah meningkat. Walau bagaimanapun, Sekolah Menengah Melayu telah mengalami kemerosotan menjelang tahun 1975, apabila bilangan pelajar perempuan menurun sehingga 630 orang, atau 40%, berbanding pada tahun sebelumnya yang mencecah sehingga 1,657 orang pada tahun 1973 (Bani, 2008; Mail, 2014; dan Al-Sufri, 2017).

Kemerosotan bilangan pelajar Sekolah Menengah Melayu semakin ketara pada tahun 1980-an, sepertimana nampak dalam jadual 2. Hal ini jelas apabila pada tahun 1980 sahaja keramaian pelajar perempuan hanyalah 406 orang. Ini menunjukkan peratus pelajar perempuan cuma 37% sahaja. Begitu juga dengan bilangan sekolah yang semakin menurun kepada empat buah sekolah berbanding pada tahun 1974, yang mana bilangan sekolah berjumlah tujuh buah. Manakala jumlah pelajar perempuan, pada tahun 1972, seramai 2,362 berbanding dengan jumlah pelajar perempuan di Sekolah Menengah Melayu, iaitu seramai 1,939 orang pada tahun 1972. Lihat semula jadual 2.

Manakala kemasukan pelajar ke Sekolah Menengah Melayu semakin merosot, kerana kepercayaan ibu bapa terhadap Sekolah Menengah Melayu yang mampu menjamin masa depan yang cerah kepada anak-anak mereka telah mula luntur. Oleh itu, ibu bapa telah tidak yakin bahawa anak-anak mereka selepas tamat persekolahan di Sekolah Menengah Melayu ini mendapatkan pekerjaan. Ini menyebabkan ibu bapa berlumba-lumba untuk menghantar anak-anak mereka bagi mendapatkan pendidikan Inggeris (Mail, 2014; Al-Sufri, 2017;

dan Abduh, 2018).⁷

Walaupun bagaimanapun, anak-anak perempuan yang menghadiri Sekolah Menengah Melayu boleh menjadi guru-guru pelatih setelah menamatkan pendidikan mereka. Kebanyakan pelajar-pelajar yang menamatkan pendidikan di Sekolah Menengah Melayu ini, sama ada menjadi guru pelatih atau kerani, antaranya ialah: Siti Alam binti Mohammad Noor; Normah binti Ali Hassan; Zaidah binti Omar; Dayangku Maimunah binti Pengiran Salim; Dayangku Masurai binti Pengiran Idris; Ramni binti Saruji; Asmah binti Haji Kahar; dan Maisalamah binti Mohammed Daud, yang mana mereka ini menjadi guru pelatih selepas menamatkan Sekolah Menengah Melayu (Bani, 2008; Mail, 2014; dan Al-Sufri, 2017).⁸

Oleh kerana jumlah pelajar perempuan di Sekolah Menengah Melayu semakin menurun, berbanding dengan jumlah pelajar perempuan di Sekolah Menengah Inggeris, maka pihak kerajaan Brunei telah menghapuskan Sekolah Menengah Melayu setelah Dasar Pendidikan Konsep Dwi-Bahasa diperkenalkan pada tahun 1985. Ini telah memberikan hak sama rata untuk mengikuti pendidikan dan bagi pelajar yang memasuki Sekolah Menengah Inggeris Kerajaan (Damit, Mail & Tengah, 2014:72-73; Mail, 2014; dan Al-Sufri, 2017).

KESIMPULAN

Perkembangan pendidikan formal menerusi sekolah Melayu terus berkembang pada tahun 1950-an, apabila penyertaan pelajar perempuan meningkat dari segi jumlah kehadiran mereka di peringkat sekolah. Keadaan

⁷Lihat semula, contohnya, Temubual dengan Cikgu Hajah Norani binti Haji Mohiddin, bertempat di Kampong Bengkurong, Brunei Darussalam, pada 28 Mac 2017.

⁸Lihat pula, contohnya, Berita "Brunei Ada Satu Sekolah Sahaja 40 Tahun Dahulu" dalam akhbar *Pelita Brunei*, pada tarikh 22 June 1960, ms.6.

ini sudah memperlihatkan bahawa adanya perubahan sikap yang besar di kalangan ibu bapa Brunei untuk melepaskan anak-anak perempuan mereka bagi mendapatkan pendidikan. Dengan perubahan sikap ini memberikan peluang kepada anak-anak perempuan dalam mendapatkan pendidikan formal sebagai satu batu loncatan, yang mana kini dapat memberikan mereka peluang pendidikan dan pekerjaan yang baik.

Sebagaimana dengan perkembangan Sekolah Rendah Melayu, Sekolah Menengah Melayu juga dibina bagi memberikan peluang kepada pelajar perempuan untuk mendapatkan pendidikan; dan seterusnya untuk melanjutkan pelajaran di peringkat tinggi, iaitu sama ada di Kolej atau Universiti di dalam negeri atau luar negeri. Oleh itu, kerajaan Brunei telah membina Sekolah Menengah bagi mereka untuk melanjutkan pelajaran di peringkat sekolah menengah. Akhir sekali, menjadi jelas bahawa pendidikan sekolah Melayu memainkan peranan penting dalam meningkatkan kemajuan bidang pendidikan kaum wanita Brunei.⁹

Referensi

Abduh, Hasbi. (2018). "Perbandingan Pendidikan di Negara Brunei Darussalam dan Negara Kesatuan Republik Indonesia". Wujud secara online di: https://www.academia.edu/35947480/PERBANDINGAN_PENDIDIKAN_DI_NEGARA_BRUNEI_DARUSSALAM_DAN_NEGARA_KESATUAN_REPUBLIK_INDONESIA [diakses di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam: 15 April 2019].

⁹**Kenyataan:** Saya, yang bertanda tangan di bawah ini, membuat kenyataan bahawa makalah ini adalah dapatan penyelidikan saya secara persendirian; jadi, ianya bukan hasil plagiat. Semua sumber-sumber yang saya rujuk dan petik, jelas kewujudannya dalam Senarai Rujukan atau Referensi. Makalah ini juga belum pernah, sama ada dihantar, diwasit, mahupun diterbitkan oleh mana-mana jurnal akademik. Saya bersedia diberi sanksi akademik, sekiranya mana-mana yang saya nyatakan ini bercanggah dengan hakikat atau realiti yang ada.

- Abdullah, Muhammad Ramadhan Subky bin. (2011). "Kajian terhadap Faham Nasionalisme Melayu (UMNO)". *Skripsi Sarjana Tidak Diterbitkan*. Jakarta: Program Studi Jinayah Siyasah, Fakultas Syariah dan Hukum UIN [Universitas Islam Negeri] Syarif Hidayatullah. Wujud secara online pula di: <http://repository.uinjkt.ac.id/dspace/bitstream/123456789/6138/1/MUHAMMAD%20RAMADHAN%20SUBKY%20BIN%20ABDULLAH-FSH.pdf> [diakses di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam: 1 April 2019].
- Ahmad, Haji Zaini bin Haji. (2004). *Pertumbuhan Nasionalisme di Brunei (1939-1962)*. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.
- Al-Sufri, Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr Haji Awang Mohd Jamil. (2008). *Satu Pemikiran mengenai Corak Pendidikan untuk Brunei Darussalam Berasaskan Islam: Melalui Pengalaman dan Sejarah*. Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei. Wujud secara online pula di: https://www.krafiti.com/Satu-Pemikiran-Mengenai-Corak-Pendidikan-Untuk-Brunei-Darussalam-Berasaskan-Islam-Melalui-Pengalaman-dan-Sejarah_p_245.html [diakses di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam: 8 April 2019].
- Al-Sufri, Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr Haji Awang Mohd Jamil. (2017). *Rampai Pendidikan: Memperkasa Pendidikan & Pembelajaran di Negara Brunei Darussalam*. Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei.
- "Annual Report for the Year 1950-1952". *Dokumen Tidak Diterbitkan*. Tersedia dan ada pada Penulis.
- "BA/1983.1.1976: Opening of Malay School Brunei". *Dokumen Tidak Diterbitkan*. Tersedia dan ada pada Penulis.
- Bakar, Haji Tassim bin Haji Abu. (2013). "Pendidikan dari Balai di Kampong Ayer ke Sekolah Moden di Darat, 1906-1941: Kajian Sejarah Pendidikan di Negara Brunei Darussalam" dalam *SUSURGALUR: Jurnal Kajian Sejarah & Pendidikan Sejarah*, Volume 1(2), September, ms.113-124.
- Bani, Suddin. (2008). "Perkembangan Pendidikan Islam di Brunei Darussalam" dalam *Lentera Pendidikan*, Vol.11, No.2 [Desember], ms.270-283.
- Berita "Brunei Ada Satu Sekolah Sahaja 40 Tahun Dahulu" dalam akhbar *Pelita Brunei*, pada tarikh 22 June 1960, ms.6.
- Berita "Brunei Malay Education: Its Aim" dalam *Borneo Buletin*, Vol.2, No.49 [4 December 1954], ms.6.
- Berita "Menghantar Anak-anak Mereka ke Sekolah" dalam akhbar *Pelita Brunei*, pada tarikh 15 Mei 1958, ms.1.

- Berita "Perkhidmatan Wanita Melayu Menimbulkan Soal" dalam akhbar *Pelita Brunei*, pada tarikh 3 Ogos 1960.
- "Brunei Education Department Annual Summary for 1957". *Dokumen Tidak Diterbitkan*. Tersedia dan ada pada Penulis.
- "Brunei Education Department Annual Summary for 1958". *Dokumen Tidak Diterbitkan*. Tersedia dan ada pada Penulis;
- "Brunei Triennial Report for 1955-1957". *Dokumen Tidak Diterbitkan*. Tersedia dan ada pada Penulis.
- "Brunei Yearbook 1985-2000". *Dokumen Tidak Diterbitkan*. Tersedia dan ada pada Penulis.
- Creswell, J.W. (1994). *Research Design: Qualitative and Quantitative Approaches*. California: Sage Publications, Inc.
- Damit, Awang Haji Mohammad Yusop bin Haji Awang, Haji Awang Asbol bin Haji Mail & Ampuan Haji Brahim bin Ampuan Haji Tengah. (2014). *Evolusi dan Transformasi Kecemerlangan: 100 Tahun Pendidikan Negara Brunei Darussalam, 1914-2014*. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.
- Daud, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Hamid bin Mohd. (2004). *Sepintas Lalu Dermasiswa Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei Darussalam, Tahun 1950-1984*. Bandar Seri Begawan: Pusat Da'wah Islamiah.
- "Educational Statistics of Brunei, 1968-1978". *Dokumen Tidak Diterbitkan*. Tersedia dan ada pada Penulis.
- "Education Statistics of Brunei Darussalam, 1973-1982". *Dokumen Tidak Diterbitkan*. Tersedia dan ada pada Penulis.
- "Educational Statistics of Brunei Darussalam, 1978-1982". *Dokumen Tidak Diterbitkan*. Tersedia dan ada pada Penulis.
- "Educational Statistics of Brunei Darussalam, 1978-1987". *Dokumen Tidak Diterbitkan*. Tersedia dan ada pada Penulis.
- Haryanto, Samsi. (2011). *Metode Wawancara dalam Penelitian Sejarah: Studi Non-Dokumenter*. Surakarta, Indonesia: UNS [Universitas Sebelas Maret] Press.
- Hidayati, Nuril & Ashfa Fikriyah. (2016). "Perempuan dan Politik antara Cita dan Fakta: Studi atas Peran Perempuan dalam Pembangunan di Brunei Darussalam" dalam *Realita*, Vol.14, No.1 [Januari], ms.111-121.
- Howell, Martha & Walter Prevenier. (2001). *From Reliable Sources: An Introduction to Historical Methods*. Ithaca, New York: Cornell University Press.
- Husiin, Hasnah. (2009). *Guru-guru Melayu: Peranan dan Perjuangan pada Zaman Penjajahan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hussainmiya, B.A. (1995). *Sultan Omar Ali Saifuddin III and Britain: The Making of Brunei Darussalam*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Imri, Fahremi. (2013). "Brunei Darussalam: Negeri dengan Sistem Pemerintahan Kesultanan Bersendikan Islam Ditengah Desakan Budaya Asing" dalam *Jurnal Online Westphalia*, Vol.12, No.2 [Juli-Desember]. Wujud secara online pula di: <https://kumpulanpublikasi.files.wordpress.com/2017/04/fahremi-imri-2013-brunai-darussalam> [diakses di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam: 1 April 2019].
- JP [Jabatan Pelajaran]. (t.th.). *Laporan Pelajaran 1970*. Bandar Seri Begawan: Jabatan Pelajaran.
- JPA [Jabatan Perkhidmatan Awam] Brunei Darussalam. (2013). *Kegemilangan Pentadbiran dan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam*. Bandar Seri Begawan: Jabatan Perkhidmatan Awam.
- JPPP [Jabatan Perancangan, Perkembangan, dan Penyelidikan]. (2000). *Brunei Yearbook 1985*. Bandar Seri Begawan: Bahagian Pengurusan Data Pendidikan JPPP [Jabatan Perancangan, Perkembangan, dan Penyelidikan].
- Kaprawi, Hasan. (2017). "Sistem Pendidikan di Brunei Darussalam". Wujud secara online pula di: <https://hasanawie45.blogspot.com/2017/03/sistem-pendidikan-di-brunei-darussalam.html> [diakses di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam: 15 April 2019].
- KP [Kementerian Pendidikan] Brunei Darussalam. (1994). *Latar Belakang Pembinaan Sekolah-sekolah Rendah Kerajaan Negara Brunei Darussalam*. Bandar Seri Begawan: Kementerian Pendidikan.
- KPN [Kementerian Pendidikan Negara] Brunei Darussalam. (2013). *SPN21: Sistem Pendidikan Negara Abad ke-21*. Bandar Seri Begawan: KPN Brunei Darussalam, cetakan pertama, edisi kedua. Wujud secara online pula di: [http://www.moe.gov.bn/spn21dl/SPN21%20MALAY%20\(2013\)%20COMPLETE.pdf](http://www.moe.gov.bn/spn21dl/SPN21%20MALAY%20(2013)%20COMPLETE.pdf) [diakses di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam: 21 April 2019].
- "Laporan Suruhanjaya Pelajaran Brunei 1972". *Dokumen Tidak Diterbitkan*. Tersedia dan ada pada Penulis.
- "Laporan Tahunan 1977". *Dokumen Tidak Diterbitkan*. Tersedia dan ada pada Penulis.
- "Laporan Tahunan Pendidikan bagi Tahun 1981-1984". *Dokumen Tidak Diterbitkan*. Tersedia dan ada pada Penulis.
- "Laporan Tiga Tahun, 1964-1966". *Dokumen Tidak Diterbitkan*. Tersedia dan ada pada Penulis.
- Mail, Haji Awang Asbol bin Haji. (2006). *Sejarah Perkembangan Pendidikan di Brunei, 1950-1985*. Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei.
- Mail, Haji Awg Asbol bin Haji. (2007). "Pendidikan Agama Islam Brunei

- Darussalam Pra-Merdeka: Pengalaman, Transformasi, dan Cabaran” dalam *Beriga*, Bil.96 [Julai – September], ms.3-24. Wujud secara online juga di: <https://www.researchgate.net/publication/313313610> [diakses di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam: 1 April 2019].
- Mail, Haji Awang Asbol bin Haji. (2011). “Dasar-dasar Pendidikan Negara Brunei Darussalam, 1950-1984: Pengaruh dan Hubungannya dengan Malaysia” dalam *Pembentukan Malaysia: Isu dan Perdebatan*. Shah Alam: Penerbit UiTM [Universiti Teknologi MARA].
- Mail, Haji Awang Asbol bin Haji. (2013). “Dasar-dasar Pendidikan Negara Brunei Darussalam, 1950-2010: Kemunculan dan Hubungannya dengan Falsafah MIB (Melayu Islam Beraja)” dalam *SUSURGALUR: Jurnal Kajian Sejarah & Pendidikan Sejarah*, Volume 1(2), September, ms.151-166.
- Mail, Haji Awang Asbol bin Haji. (2014). “Persekolahan Melayu Brunei Darussalam, 1950-1984: Perubahan dan Cabaran” dalam *Tradisi dan Reformasi Pendidikan: Merista Jasa Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Sa’adul Khairi Waddien*, Jilid I. Bandar Seri Begawan: APB UBD [Akademi Pengajian Brunei, Universiti Brunei Darussalam] dan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.
- Mail, Haji Awang Asbol bin Haji. (2016). “Dasar-dasar Pendidikan Negara Brunei Darussalam Pasca Merdeka, 1984-2012: Dari Dwi Bahasa ke Pendidikan Abad ke-21” dalam Haji Awang Asbol bin Haji Mail, Haji Mohd Yusop bin Haji Awang Damit & Haji Rosli bin Haji Ampal [eds]. *Brunei Merdeka: Kumpulan Artikel Sempena Memperingati 30 Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam*. Bandar Seri Begawan: Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan PESEBAR [Persatuan Sejarah Brunei]. Wujud secara online pula di: <https://www.researchgate.net/publication/313181086> Dasar-Dasar Pendidikan Negara Brunei Darussalam Pascamerdeka [diakses di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam: 15 April 2019].
- Mail, Haji Awang Asbol bin Haji. (2018). “Perkembangan Sekolah Arab di Brunei Darussalam, 1941-2012: Satu Perspektif Sejarah” dalam *HISTORIA: Jurnal Kajian Sejarah di Nusantara dan Dunia*, Volume 1(1), December, ms.33-50. Bandung, Indonesia: Minda Masagi Press owned by ASPENSI, p-ISSN 2621-8011 dan e-ISSN 2621-802X.
- Mail, Haji Awang Asbol bin Haji & Andi Suwirta. (2018). “Pendidikan Tradisional di Negara Brunei Darussalam: Perspektif Sejarah” dalam *ATIKAN: Jurnal Kajian Pendidikan*, Volume 8(1), Juni, ms.11-26. Bandung, Indonesia: Minda Masagi Press, ISSN 2088-1290.
- Melayong, Muhammad Hadi Muhammad. (2018). “Dasar Biasiswa ke Luar Negeri: Satu Perspektif Sejarah Pendidikan di Negara Brunei Darussalam” dalam *SUSURGALUR: Jurnal Kajian Sejarah & Pendidikan Sejarah*, Volume 6(2), September, ms.165-178. Bandung, Indonesia: Minda Masagi Press and UBD Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam, ISSN 2302-5808.
- Mohamad, Maznah. (1999). “Di Mana Berlaku Diskriminasi dalam Undang-undang Keluarga Islam?” dalam IKIM (Institut Kefahaman Islam Malaysia) [ed]. *Undang-undang Keluarga Islam dan Wanita di Negara-negara ASEAN*. Kuala Lumpur: Penerbit IKIM.
- Mohamad, Awang Haji Nazmi bin Haji [ed]. (2017). *Transformasi ke Arah Perkhidmatan Awam yang Progresif*. Bandar Seri Begawan: Jabatan Perdana Menteri Negara Brunei Darussalam.
- Mohamed, Haji Muhaimin bin Haji. (2016). *Zaman Jepun di Brunei, 1941-1945*. Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei.
- Padmore, H.J. (1954). *Proposed Development Plan for Education Department, 1954-1960*. Kuala Belait: The Brunei Press.
- Padzil, Ruhana. (2017). “Perjuangan Wanita dalam Aktivisme Sosial dan Nasionalisme di Tanah Melayu, 1929-1957”. *Thesis Ph.D. Tidak Diterbitkan*. Kuala Lumpur: Rancangan Pengajian Gender, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya. Wujud secara online pula di: [http://studentsrepo.um.edu.my/7434/2/Final Thesis 2017 Ruhana.pdf](http://studentsrepo.um.edu.my/7434/2/Final%20Thesis%202017%20Ruhana.pdf) [diakses di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam: 15 April 2019].
- “Penyata Sekolah-sekolah Ugama Kerajaan Brunei: 1968, 1969, dan 1970”. *Dokumen Tidak Diterbitkan*. Tersedia dan ada pada Penulis;
- “Penyata Tahunan Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei, 1967”. *Dokumen Tidak Diterbitkan*. Tersedia dan ada pada Penulis.
- “Penyata Tahunan Jabatan Hal Ehwal Ugama: 1968, 1969, dan 1970”. *Dokumen Tidak Diterbitkan*. Tersedia dan ada pada Penulis.
- “Penyata Tahunan Jabatan Hal Ehwal Ugama, 1968-1983”. *Dokumen Tidak Diterbitkan*. Tersedia dan ada pada Penulis.
- “Penyata Tahunan Jabatan Hal Ehwal Ugama, 1971-1983”. *Dokumen Tidak Diterbitkan*. Tersedia dan ada pada Penulis;
- Roff, William R. (1994). *The Origins of Malay Nationalism*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Saat, Ishak bin. (2007). “Radikalisme Melayu dari Perak, 1945-1970: Kebangkitan Rakyat, Pemikiran, Sumbangan, dan Pengorbanan”. *Tesis Ph.D. Tidak Diterbitkan*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia. Wujud

- secara online pula di: [http://eprints.usm.my/8278/1/RADIKALISME MELAYU DARI PERAK 1945 1970.pdf](http://eprints.usm.my/8278/1/RADIKALISME_MELAYU_DARI_PERAK_1945_1970.pdf) [diakses di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam: 1 April 2019].
- Saunders, Graham E. (2002). *A History of Brunei*. London: Routledge Curzon, second edition.
- “Sejarah Awal Perkembangan Pelajaran Uagama Sehingga 1959”. *Dokumen Tidak Diterbitkan*. Tersedia dan ada pada Penulis.
- “Skim Perkhidmatan Kejururawatan Jabatan Perkhidmatan Kejururawatan, Kementerian Kesihatan, pada 2013”. Wujud secara online pula di: [http://www.moh.gov.bn/MOH%20Library/SKIM PERKHIDMATAN KEJURURAWATAN LULUS 2013.pdf](http://www.moh.gov.bn/MOH%20Library/SKIM_PERKHIDMATAN_KEJURURAWATAN_LULUS_2013.pdf) [diakses di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam: 15 April 2019].
- “State of Brunei Annual Report 1957”. *Dokumen Tidak Diterbitkan*. Tersedia dan ada pada Penulis.
- “State of Brunei Annual Report 1966”. *Dokumen Tidak Diterbitkan*. Tersedia dan ada pada Penulis.
- “State of Brunei for the Year 1966”. *Dokumen Tidak Diterbitkan*. Tersedia dan ada pada Penulis.
- “State of Brunei Annual Report 1969”. *Dokumen Tidak Diterbitkan*. Tersedia dan ada pada Penulis.
- Temubual dengan Cikgu Hajah Norani binti Haji Mohiddin, bertempat di Kampong Bengkurong, Brunei Darussalam, pada 28 Mac 2017.
- Temubual dengan Cikgu Haji Mahmud bin Hadi, bertempat di Kampong Pengkalan Batu, Brunei Darussalam, pada 4 November 2015.
- Tengah, Ampuan Haji Brahim bin Ampuan Haji. (2013). “Sistem Pendidikan Negara Abad ke-21: Isu dan Cabaran di Brunei Darussalam” dalam *SOSIOHUMANIKA: Jurnal Pendidikan Sains Sosial dan Kemanusiaan*, Vol.6, No.2 [November], ms.197-208. Bandung, Indonesia: Minda Masagi Press owned by ASPENSI, ISSN 1979-0112.
- Yunos, Rozan [ed]. (2019). *Maqasid al-Shari’ah in the Brunei Civil Service: Civil Servants’ Perspectives*. Bandar Seri Begawan: Qasrun Nafis Publishing House. Available online also at: [https://www.academia.edu/41888816/MAQ%C4%80%E1%B9%A2ID_AL-SHAR%C4%AAAH IN THE BRUNEI CIVIL SERVICE](https://www.academia.edu/41888816/MAQ%C4%80%E1%B9%A2ID_AL-SHAR%C4%AAAH_IN_THE_BRUNEI_CIVIL_SERVICE) [accessed in Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam: January 15, 2020].
- Zed, Mestika. (2004). *Metode Penelitian Kepustakaan*. Jakarta: Penerbit YOI [Yayasan Obor Indonesia].



Pendidikan Sekolah Melayu bagi Wanita Brunei

(Sumber: <https://kuizsejarah2014.wordpress.com>, 21/4/2019)

Perkembangan pendidikan formal menerusi sekolah Melayu terus berkembang pada tahun 1950-an, apabila penyertaan pelajar perempuan meningkat dari segi jumlah kehadiran mereka di peringkat sekolah. Keadaan ini sudah memperlihatkan bahawa adanya perubahan sikap yang besar di kalangan ibu bapa Brunei untuk melepaskan anak-anak perempuan mereka bagi mendapatkan pendidikan. Dengan perubahan sikap ini memberikan peluang kepada anak-anak perempuan dalam mendapatkan pendidikan formal sebagai satu batu loncatan, yang mana kini dapat memberikan mereka peluang pendidikan dan pekerjaan yang baik.